

30 JUN 2000

OIC-Dua Hala/I

SYED HAMID TEMUI RAKAN-RAKAN NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya dan wakil beberapa negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di luar sesi ke 23 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) di sini, hari ini.

Kedua-dua negara itu termasuk Uganda, Guinea, Qatar, Libya serta Bosnia dan Herzegovina yang mempunyai status pemerhati dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Perbincangan mereka menyentuh kedudukan hubungan dua hala dan perlunya menjalin perpaduan yang lebih lagi di kalangan negara-negara Islam untuk menghadapi cabaran masa depan.

Menteri Luar Uganda, Alfred Mubanda berkata negaranya berminat untuk belajar daripada Malaysia mengenai perancangan ekonomi dan bagaimana menggalakkan perindustrian.

Beliau berkata, kedua-dua pihak akan membincangkan butir-butir mengenai perkara itu kemudian.

Menteri Luar Guinea Mahawa Bangoura Camara menyatakan rasa puasnya akan tahap kerjasama antara Conakry dan Kuala Lumpur khasnya dalam konteks Selatan-selatan.

Bagaimanapun, beliau berkata terdapat keperluan untuk meningkatkan hubungan dua hala ini.

Puan Camara berkata perkongsian antara Malaysia dan negaranya telah terjalin antaranya dalam bidang telekomunikasi dan pertanian.

Mengenai OIC, beliau berkata perpaduan di kalangan negara-negara Islam adalah penting jika mereka mahu memperbaiki kedudukan Ummah.

Setiausaha Agung Hal Ehwal Politik Libya, Saad Mustafa Mujber mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan Malaysia, yang membolehkan ICFM mencapai kata sepakat pada setiap isu walaupun ada yang menganggap ia akan memecahbelahkan mereka.

"Kita telah menunjukkan perpaduan dengan bekerjasama dalam pelbagai bidang. Kami berharap persidangan itu akan menjadi titik permulaan baru bagi dunia Islam bermula hari ini," kata beliau lagi.

Menteri Negara Qatar Ahmad Abdulla Al-Mahmood berkata, sudah tiba masanya bagi OIC untuk bergerak ke hadapan dan menterjemahkan kata-katanya kepada tindakan.

Beliau juga memuji Malaysia kerana mengendalikan dengan baik pemilihan setiausaha agung OIC yang baru.

Bekas Menteri Luar Maghribi Dr Abdelouhed Belkziz semalam dinamakan sebagai pengganti kepada rakan senegarannya, Dr Azeddine Laraki yang akan mengetuai perkumpulan 56 negara Islam itu bermula 1 Jan.

Timbalan Menteri Luar Bosnia dan Herzegovina Husein Zivalj berkata, beliau mengambil kesempatan semasa berada di sini untuk memaklumkan kepada Syed Hamid perkembangan terkini di negaranya yang dilanda perang saudara selama bertahun-tahun.

Beliau berkata, hanya lapan peratus daripada penduduk Islam Bosnia telah kembali ke tanahair mereka selepas melarikan diri semasa perang saudara memuncak.

"Ini tidak dapat diterima," katanya.

Husein juga memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ucapan pembukaannya yang menyeru perpaduan yang lebih lagi di kalangan Ummah.

ICFM yang berlangsung selama empat hari berakhir hari ini.

-- BERNAMA

Team PR